

20 DEC 1999

Mahathir-Pembangkang

MAHATHIR BIDAS PEMBANGKANG, TUDUH KIT SIANG CAMPURTANGAN

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Persidangan hari pertama Dewan Rakyat menyaksikan anggota parti pemerintah dan pembangkang bertegang leher mengenai kesahihan mesyuarat hari ini dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menuduh pembangkang cuba membawa "budaya samseng" ke dalam Parlimen.

Sambil menyatakan kekecewaannya dengan kelakuan pembangkang di Dewan Rakyat, Perdana Menteri berkata persidangan itu tidak melanggar Perlembagaan seperti yang didakwa pembangkang.

Beliau menuduh bekas ketua pembangkang Lim Kit Siang menghasut dan mempengaruhi anggota-anggota Parlimen untuk menyoal kerajaan mengenai kesahihan persidangan hari ini walaupun pengerusi DAP itu tidak lagi menjadi anggota Parlimen.

"Saya mula dengar perkara ini (bahawa persidangan Dewan Rakyat hari ini tidak sah) disebutkan oleh Lim Kit Siang. Nampak seolah-olah yang mendalangi apa yang berlaku dalam Dewan ini ialah Lim Kit Siang," kata Dr Mahathir.

"Kita ikut peraturan," kata beliau pada persidangan berita di lobi Parlimen ketika anggota-anggota Parlimen mengangkat sumpah jawatan pada mesyuarat pertama, penggal pertama, Parlimen Ke-10 selama empat hari yang bermula hari ini.

Dr Mahathir berkata pembangkang telah menolak semua penjelasan yang diberi mengenai kedudukan persidangan Dewan Rakyat hari ini dan cuba membawa budaya samseng dalam menyatakan bantahan mereka.

"Mereka langsung tidak mengendah apa juga peraturan. Apabila diberi penjelasan, mereka tolak semua penjelasan," kata beliau.

Pada permulaan prosiding pagi ini, presiden PAS Datuk Fadzil Nor (Pendang), yang juga ketua pembangkang mempersoalkan kesahihan mesyuarat itu semasa Setiausaha bagi Parlimen Datuk Mohamed Salleh Hassan membacakan proklamasi Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin mengenai permulaan sidang Dewan.

Dr Mahathir berkata beliau telah menjelaskan di Dewan Rakyat bahawa kedudukannya sebagai Perdana Menteri dalam kerajaan sementara atau caretaker membolehkan beliau menasihati Yang di-Pertuan Agong (mengenai tarikh persidangan Dewan Rakyat.)

"Di mana-mana juga, kerajaan caretaker mempunyai kuasa. Tidak ada sesuatu dalam Perlembagaan yang berkata bahawa saya tidak berkuasa untuk menasihati Agong.

"Bermakna, Perdana Menteri dalam kerajaan caretaker mempunyai peranan dan kuasa yang sama seperti Perdana Menteri di waktu-waktu yang lain juga. Jadi saya berhak untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong," kata beliau.

Dr Mahathir berkata jika beliau tidak berhak, "maka tidak ada maknalah kerajaan caretaker."

Beliau memberi contoh di India, kerajaan caretaker atau sementara berjalan selama enam bulan dan banyak keputusan dibuat dalam tempoh itu.

Perdana Menteri berkata jika Lim tidak membangkitkan perkara itu, anggota-anggota Parlimen pembangkang yang kebanyakannya baru, tidak akan membangkitkannya.

"Tetapi kita dapati seolah-olah Lim Kit Siang masih lagi boleh tarik tali supaya parti lawan ini akan menari mengikut rentak Lim Kit Siang.

"Saya merasa amat dukacita orang lain boleh memainkan (peranan) sebagai dalang dalam Dewan ini (Rakyat). Ini tidak menunjukkan petanda yang baik untuk masa depan Dewan kita," kata Dr Mahathir.

Lim terpaksa menyerahkan jawatan ketua pembangkang di Parlimen kepada Fadzil selepas gagal memenangi kerusi Parlimen Bukit Bendera pada pilihan raya umum Lepas.

Dr Mahathir berkata pembangkang dilihat lebih berminat untuk menjerit dan mengeluarkan kata-kata yang tidak ada asas sama sekali dan mereka juga tidak menghormati Tun Mohamed Zahir Ismail yang dipilih semula hari ini sebagai Speaker Dewan Rakyat bagi penggal kelima.

"Sepatutnya apabila Yang Dipertua kata 'duduk', kita duduk. Kalau kita tak ikut peraturan itu, maka sukar untuk kita berbahas secara yang teratur," kata beliau.

Katanya jika anggota-anggota Dewan tidak setuju dengan sesuatu keputusan Yang Dipertua, mereka boleh membawa usul tidak bersetuju yang kemudiannya boleh dibahas dan diputuskan oleh semua anggota Dewan.

"Mereka sebenarnya tidak memahami peraturan-peraturan dan Perlembagaan kita. Mereka cuma ingin mengganggu pentadbiran negara," kata beliau sedangkan sebagai pembangkang, mereka harus mengutamakan kepentingan negara.

Daripada 193 kerusi Parlimen, sebanyak 45 kerusi dipegang oleh pembangkang iaitu PAS (27), DAP (10), Parti Keadilan Nasional (5) dan PBS (3).

Ketika ditanya sama ada tindakan anggota-anggota Parlimen pembangkang keluar Dewan sebagai tanda rasa tidak puas hati merupakan yang pertama dalam kariernya sebagai anggota Parlimen, Dr Mahathir berkata walaupun ia pernah berlaku, tetapi "kali ini mereka keluar Dewan sebelum mengangkat sumpah jawatan."

"Dari segi teknikal, mereka tidak sepatutnya bercakap di Parlimen sehingga mereka mengangkat sumpah," kata Dr Mahathir.

Anggota-anggota pembangkang itu bagaimanapun masuk semula ke dalam Dewan kemudiannya untuk mengangkat sumpah.

-- BERNAMA

ES RON